

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT
KAWASAN : JERAI

SOALAN NO. 394

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempercepatkan kerja-kerja membaik pulih jalan raya utama di antara Sungai Lalang hingga ke Gurun dalam Parlimen Jerai.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil perhatian ke atas masalah kerosakan jalan Persekutuan yang berlaku di kawasan Parlimen Jerai, Kedah.

Oleh itu, bagi tahun 2021 Kementerian Kerja Raya telah **merancang sebanyak 15 bilangan** kerja pembaikan jalan di bawah program penyenggaraan berkala pavemen (BP) dengan nilai keseluruhan kerja sebanyak **RM6.24 juta** bagi laluan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu Jalan Sungai Lalang ke Gurun di laluan **FT001** bermula dari seksyen 807.50 sehingga 837.50. Kerja - kerja ini akan dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) kepada syarikat konsesi dan pelaksanaan kerja adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, **jumlah panjang Jalan Persekutuan di kawasan Parlimen Jerai** yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah **sepanjang 62.05 km**. Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak **RM1.2 juta setahun bagi penyenggaraan rutin** di jalan Persekutuan **kawasan Parlimen Jerai, Kedah**. Di bawah skop penyenggaraan rutin, syarikat konsesi yang dilantik Kerajaan perlu melakukan rondaan Pemeriksaan Rutin di semua Jalan Persekutuan untuk memastikan jikalau terdapat sebarang kerosakan jalan seperti jalan berlubang diambil tindakan segera Kementerian ini juga telah mengatitkan program Aku Janji Sifar Lubang peringkat Kebangsaan bersama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan syarikat-syarikat konsesi bagi memantau kerosakan jalan raya dan memperkukuhkan komitmen Kementerian terhadap penyampaian perkhidmatan penyenggaraan jalan yang baik. Di

bawah program ini, sebarang kerosakan jalan seperti jalan berlubang, kerja tampalan lubang hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 24 jam selaras dengan program Aku Janji sifar lubang atau 'zero pothole' di Jalan Persekutuan seluruh negara mulai bulan Julai 2020. Kerja penampalan lubang ini merupakan langkah awal pencegahan bagi tujuan menjamin keselamatan pengguna jalan raya sebelum kerja-kerja turapan kekal dilaksanakan. Di samping itu, Kementerian ini juga telah memperuntukkan sebanyak **RM8.3 juta bagi tahun 2018 hingga 2020** bagi kerja-kerja **penyenggaraan berkala**.

Sekian, terima kasih.